



## Perkhidmatan insurans kecederaan kenderaan

# LEMBARAN FAKTA

### Insurance Commission of WA di Wilayah Lautan Hindi

Insurance Commission of WA merupakan agensi yang mentadbir Insurans Kecederaan Kenderaan di Wilayah. Pada 1 Julai 2016, insurans ini diperluaskan supaya semua orang yang cedera teruk dalam kemalangan kenderaan bermotor dilindungi untuk rawatan, jagaan dan sokongan yang perlu sepanjang hidup mereka.

Ditaja jamin oleh Kerajaan Australia, polisi insurans kecederaan kenderaan dikeluarkan kepada pemandu bersama-sama lesen kenderaan oleh Motor Vehicle Registry setempat. Butir-butir polisi dijelaskan di halaman belakang notis pembaharuan lesen kenderaan.

Insurance Commission of WA, bagi pihak Kerajaan Australia, menyediakan khidmat pengurusan dana, nasihat pakar dan pengendalian tuntutan di Wilayah, dengan mengenakan bayaran perkhidmatan.

### Apakah ertinya bagi saya?

Sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan di Wilayah dan tercedera, anda berhak membuat tuntutan pampasan. Bermula 1 Julai 2016, anda tidak lagi perlu membuktikan kecuaiannya pemilik atau pemandu kenderaan yang satu lagi sekiranya cedera teruk dalam kemalangan kenderaan bermotor.

Insurans kecederaan kenderaan berbeza dengan insurans kerosakan harta benda pihak ketiga, yang tidak diwajibkan dan tidak disediakan melalui Insurans Kecederaan Kenderaan.



Bermula 1 Julai 2016, perlindungan insurans kecederaan kenderaan diperluas bagi semua pemandu. Di Wilayah, insurans kecederaan kenderaan kini melindungi semua orang yang cedera teruk dalam kemalangan kenderaan bermotor bagi rawatan, jagaan dan sokongan yang perlu dan munasabah.

### Untuk mendapatkan penerangan lanjut

| Cara menghubungi               | Butir-butir hubungan   |
|--------------------------------|--|
| Telefon                        | 1800 643 338   |
| E-mel                          | <a href="mailto:customer@icwa.wa.gov.au">customer@icwa.wa.gov.au</a>   |
| Laman web                      | <a href="http://www.icwa.wa.gov.au">www.icwa.wa.gov.au</a>   |
| Insurans Kecederaan Kenderaan  | <a href="http://www.icwa.wa.gov.au/motor-injury-insurance">www.icwa.wa.gov.au/motor-injury-insurance</a>   |
| Skim Sokongan Kecederaan Teruk | <a href="http://www.icwa.wa.gov.au/motor-injury-insurance/catastrophic-injuries-support">www.icwa.wa.gov.au/motor-injury-insurance/catastrophic-injuries-support</a> |